

INFO ZAKAT



KELUARAN 4/2022

EDARAN PERCUMA



POLEMIK AMIL TANPA TAULIAH - ISU UTAMA SEMINAR SIFZA 2.0

merangkap Yang Di Pertua Majlis Amanah Islam Pulau Pinang






15 Disember 2022 (Khamis) bersamaan 10 Ramadan 1444


Hotel Ixora, Permatang

ana dan Hijasa Di

"Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela"

Dapatkan maklumat berkaitan Zakat Pulau Pinang,
(MAINPP) di pelbagai medium rasmi kami:

     zakatpenang

 04-549 8088



Laman web rasmi:
zakatpenang.com



Portal pengguna:
zakatpenang2u.com



BUKIT MERTA JAM : Bersempena Sambutan Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang Tahun 2022, Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menganjurkan Seminar Isu Kefatwaan Zakat Tahun 2022 (SifZa 2.0).

Dalam seminar kali ini, 2 kertas kerja telah dibentangkan. Pembentangan Sesi 1 yang bertajuk Isu Kefatwaan Zakat KWSP telah dibentangkan oleh Ustaz Haji Omar Ibrahim Khalid, Pengurus Besar Jabatan Operasi Kutipan, Zakat Pulau Pinang. Pembentangan Sesi 2 pula telah dilakukan oleh Ustaz Ahmad Husni bin Dato' Abd Rahman, Pengurus Unit Syariah & Antarabangsa, PPZ-MAIWP.

Satu satu sesi forum turut telah diadakan. Forum yang bertajuk Polemik Isu Amil Tanpa Tauliah telah dipengerusikan oleh Ustaz Haji Azhari Haji Ahmad, sementara barisan panelnya terdiri daripada YBhg Sahibus Samahah Datuk Dr. Luqman Haji Abdullah, Mufti Wilayah Persekutuan; YBhg Profesor Dr. Azman Ab Rahman, Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia dan YBhg Dato' Haji Rosli Othman, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang.

SifZa 2.0 telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua MAINPP, YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd. Rahman. Ucaptama Forum Polemik Isu Amil Tanpa Tauliah telah disampaikan oleh YBhg Sahibus Samahah Dato' Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Turut hadir, YBhg Dato' Samsudin Bakar, Setiausaha MAINPP dan YBhg. En. Mohd Fitri Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Islam Pulau Pinang. Tetamu lain yang hadir, Dekan dan Pensyarah Institusi Pendidikan Tinggi, Guru-guru Takmir Negeri Pulau Pinang, Wakil-wakil Jabatan, Wakil-wakil Agensi Mengurus Zakat Negeri, Wakil-wakil Kutipan Zakat Pulau Pinang serta pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi.



1,868 GURU AGAMA & AL-QURAN TERIMA SAGUHATI

BAYAN LEPAS : Seramai 1,868 orang Guru Agama dan Al-Quran menerima saguhati sumbangan Zakat Pulau Pinang (ZPP) melalui dana skim agihan fi sabilillah.

Sumbangan tersebut diumumkan oleh YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang ketika menyempurnakan Majlis Penyerahan Saguhati Guru Agama Dan Al-Quran Negeri Pulau Pinang Tahun 2022.

Majlis yang diadakan saban tahun ini adalah bagi menghargai dan meraikan Guru-guru Agama dan Al-Quran yang mengajar secara sukarela di masjid, surau dan institusi khas di seluruh Negeri Pulau Pinang. Majlis telah dimulakan dengan ceramah yang disampaikan oleh Tuan Haji Ahmad Ridoudin bin Abdul Wahab, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang.

Jumlah keseluruhan saguhati bagi Guru Agama yang diagihkan adalah berjumlah RM399,200.00, manakala jumlah keseluruhan bagi saguhati Guru Al-Quran pula adalah sebanyak RM820,200.00. Guru Al-Quran menerima RM600.00 seorang secara one off dan 499 orang Guru Agama menerima sebanyak RM800.00 seorang.

Sumbangan saguhati ini diharap dapat memberi suntikan semangat kepada Guru Agama dan Al-Quran dalam memartabatkan pendidikan agama dan al-Quran di Pulau Pinang.

Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Dato' Amran Hazali dalam ucapannya berharap agar Guru Agama dan Al-Quran dapat membantu dakwah Zakat Pulau Pinang dengan menghebahkan kewajipan zakat kepada masyarakat Islam di Pulau Pinang agar lebih ramai golongan yang memerlukan dapat dibantu.

Turut hadir, YB Tuan Haji Mohd Tuah Ismail, Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang; YBhg Dato' Haji Samsudin Bakar, Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang; YBhg Ustaz Fadzlee Daie, Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang; YBhg Ustaz Tuan Ismail Tuan Abdullah, Pegawai Tadbir Agama Daerah Barat Daya serta wakil dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang.





ZPP HARGAI PERANAN JAWATANKUASA KARIAH

BUTTERWORTH : Seramai 808 orang Ahli Jawatankuasa Kariah terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari yang menggalas tanggungjawab berkhidmat di kariah-kariah diraikan dalam satu Majlis Apresiasi Dan Penyerahan Saguhati Jawatankuasa Kariah Negeri Pulau Pinang yang diadakan di SP Arena, Seberang Jaya, hari ini.

Hubungan Jawatankuasa Kariah dengan Zakat Pulau Pinang terjalin baik hasil kerjasama yang erat melalui pelbagai fungsi dan tanggungjawab, seperti pelantikan Ahli Lembaga Zakat Fitrah Kariah, menjalankan aktiviti siasatan fakir miskin serta bancian ahli kariah dan lain-lain tugas rasmi yang melibatkan kepentingan kariah.

Sebagai menghargai tugas dan tanggungjawab berat yang telah dilaksanakan, majlis ini menyaksikan penyerahan sumbangan saguhati dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM403,600.00, manakala Elaun Mesyuarat Jawatankuasa yang berjumlah RM416,000.00 di mana setiap kariah menerima RM2,000.00.

Simbolik penyerahan sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Ucapan aluan telah disampaikan oleh YBhg En. Mohamad Kairi Ghazalli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi ZPP.

Turut hadir, YBhg Dato' Haji Samsudin Bakar, Setiausaha Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang; YB Tuan Haji Mohd Tuah Ismail, Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang; YBhg Tuan Syed Mohamad Nazli Syed Ahmad, Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang; YBhg Ustaz Fadzlee Daie, Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang; YBhg Ustaz Khairul Azman Azizan, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid Dan Surau Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang; Wakil-wakil agensi di bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang serta Pegawai-pegawai Tadbir Agama Daerah, Negeri Pulau Pinang.

Pelancaran

KLINIK BERGERAK WAQAF AN-NUR ZAKAT PULAU PINANG

BUKIT MERTAJAM : Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) terus memperkasakan skim agihan zakat menerusi pelaksanaan Klinik Bergerak Waqaf An-Nur Zakat Pulau Pinang melalui kerjasama strategik bersama KPJ Healthcare Berhad dan Waqaf An-Nur. Kerjasama strategik ini merupakan satu inisiatif menambahbaik sistem penyampaian agihan zakat dan perkhidmatan sokongan terhadap golongan asnaf dan mereka yang kurang berkemampuan.

Dalam majlis pelancaran yang berlangsung, satu Memorandum Perjanjian (MoA) ditandatangani di antara KPJ Healthcare Berhad, Waqaf An-Nur Corporation dan Zakat Pulau Pinang. MoA telah ditandatangani oleh Dato' Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang, MAINPP, Tuan Haji Roslan Ahmad, Pengerusi KPJ Penang Specialist Hospital, Tuan Haji Mohd Bahrin Bakri, Ketua Pegawai Operasi Waqaf An-Nur Corporation dan disaksikan oleh YBhg Dato' Dr. Roslan Ahmad, Timbalan Yang Dipertua MAINPP dan Puan Norhaizam Mohammad, Pegawai Pimpinan KPJ Healthcare Berhad.

Perjanjian tersebut menyaksikan peranan Zakat Pulau Pinang, sebagai Penyumbang Dana, KPJ Penang Specialist Hospital sebagai Pelaksana dan Waqaf An-Nur pula sebagai Pemantau Klinik Bergerak.

Zakat Pulau Pinang telah menyediakan peruntukan sebanyak RM400,000.00 bagi pembelian dan pengubahsuaian reka bentuk kenderaan. Selain itu, Zakat Pulau Pinang juga akan menyediakan peruntukan tahunan sebanyak RM300,000.00 untuk pengoperasian Klinik Bergerak Waqaf An-Nur Zakat Pulau Pinang. KPJ pula akan menyediakan tenaga pakar yang terdiri daripada pegawai perubatan, jururawat dan pembantu perawatan, serta ubat-ubatan yang diperlukan mengikut keperluan semasa Klinik Bergerak An-Nur-Zakat Pulau Pinang ini.

Perkhidmatan Klinik Bergerak ini akan diadakan secara berjadual dengan kekerapan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu, dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia. Zakat Pulau Pinang menasakarkan agar dapat memberikan perkhidmatan kepada segenap lapisan masyarakat terutamanya kumpulan asnaf fakir dan miskin serta keluarga B40 dengan kos yang sangat minima. Dalam majlis yang sama, KPJ Penang Specialist Hospital turut menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM140,000 kepada Zakat Pulau Pinang, MAINPP.

Semoga dengan kerjasama strategik antara Zakat Pulau Pinang, KPJ Healthcare Berhad dan Waqaf An-Nur Corporation menerusi pelaksanaan Klinik Bergerak Waqaf An-Nur Zakat Pulau Pinang ini, dapat menjadi nilai tambah kepada perkhidmatan Zakat Pulau Pinang di dalam memastikan agihan zakat dapat dilakukan secara optimum, efisien dan efektif.





MAJLIS PEMBAYARAN ZAKAT KORPORAT DAN PELANCARAN DIREKTORI RAKAN NIAGA ZAKAT PULAU PINANG

GEORGETOWN : 6 buah syarikat korporat termasuk sebuah koperasi telah menunaikan zakat perniagaan dan pendapatan bersama Zakat Pulau Pinang, MAINPP. Melalui sumbangan ini, secara tidak langsung semua pembayar zakat turut terlibat membantu asnaf yang memerlukan di negeri Pulau Pinang. 6 syarikat korporat dan koperasi tersebut adalah :

1. **BANK SIMPANAN NASIONAL BERHAD**
- Zakat diserahkan oleh YBhg En. Azman Haji Ahmad, Ketua Deposit dan Pembayaran Bank Simpanan Nasional.
2. **JKP SDN BHD**
- Zakat diserahkan oleh YBhg En. Asuat Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif JKP Sdn. Bhd.
3. **OCEAN SUCCESS (M) SDN BHD**
- Zakat diserahkan oleh YBhg En. Jaafar Rawther, Pengarah Urusan Ocean Success (M) Sdn Bhd.
4. **MAA PRECIOUS METALS SDN BHD**
- Zakat diserahkan oleh YBhg En. Mohd Norain Ismail, Pegawai Pemasaran MAA Precious Metals Sdn. Bhd.
5. **CELCOM AXIATA BERHAD**
- Zakat diserahkan oleh YBhg En. Ahmad Pozi Rabu, Finance Business Partner Celcom Axiata Berhad.
6. **KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD**
- Zakat diserahkan oleh YBhg Tuan Hj. Suhaimi Abdul Jalil, Pengerusi Tunas Muda Sungai Ara Berhad.

Zakat telah diterima oleh YBhg. Dato' Dr. Roslan Ahmad, Timbalan YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Turut hadir, YB Hj. Mohd Tuah Ismail, Ahli Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

Dalam Majlis Hi-Tea dan Serahan Zakat Korporat yang diadakan ini juga Zakat Pulau Pinang telah melancarkan Direktori Rakan Niaga Zakat Pulau Pinang yang bertujuan mempromosikan syarikat yang membayar zakat perniagaan serta sebagai usaha memberi kemudahan kepada masyarakat setempat untuk menggunakan perkhidmatan syarikat Muslim yang membayar zakat di Pulau Pinang.

Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pembayar zakat yang sentiasa bersama-sama Zakat Pulau Pinang membantu golongan asnaf yang memerlukan.

Semoga pendapatan dan perniagaan yang dijalankan diberkati Allah dan terus berkembang maju.

POLITEKNIK SEBERANG PERAI WAKIL ZAKAT PULAU PINANG

PERMATANG PAUH : Zakat Pulau Pinang (ZPP) dan Politeknik Seberang Perai (PSP) menandatangani satu perjanjian kolaborasi industri (CoC) bagi melantik PSP sebagai Wakil Agihan (Wakalah) untuk mengagihkan sendiri wang zakat secara potongan gaji kakitangan PSP kepada golongan asnaf dari kalangan pelajar dan juga kakitangan yang layak.

CoC telah ditandatangani oleh YBhg Dato' Amran Hazali, Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang, MAINPP dan YBrS Sr. Harith Fadzilah Abd Khalid, Pengarah Politeknik Seberang Perai sambil disaksikan oleh YBrS Puan Norazmira Zainuddin, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan YBhg En. Mohamad Kairi Ghazalli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Operasi ZPP.

ZPP berharap agar kolaborasi melalui CoC Wakil Kutipan dan Agihan Zakat ini dapat mempertingkatkan perkhidmatan Zakat Pulau Pinang di dalam memastikan agihan dan kutipan zakat dapat dilakukan secara optimum, efisien dan efektif.





ZPP LANCAR FARMASI PANEL ASNAF

BUKIT MERTAJAM : Zakat Pulau Pinang juga telah melancarkan 5 buah Farmasi Panel Asnaf, yang mewakili setiap daerah di negeri Pulau Pinang. Farmasi Panel Asnaf merupakan skim agihan baharu yang diperkenalkan oleh Zakat Pulau Pinang bertujuan meringankan beban golongan asnaf fakir, miskin dan gharimin yang tidak berkemampuan membiayai keperluan kesihatan. Matlamatnya adalah memastikan kebolehcapaian berterusan terhadap keperluan kesihatan seperti ubat-ubatan yang berkualiti, selamat dan efisien.

Selain itu, bagi meningkatkan efisiensi perkhidmatan ini, Zakat Pulau Pinang memperkenalkan kaedah pembelian tanpa tunai. Ia merujuk kepada setiap agihan yang diberikan berupa nilai wang akan dikreditkan ke dalam e-wallet iaitu kad pengenalan penerima. Para penerima boleh membeli keperluan kesihatan di farmasi panel dengan mudah dan sistematik.

Dalam majlis yang sama, Zakat Pulau Pinang telah menyerahkan peruntukan geran tahunan kepada Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital-Hospital Negeri Pulau Pinang dalam satu majlis yang telah diadakan baru-baru ini. Geran tahunan yang dilancarkan bermula tahun 2015 ini bertujuan membantu golongan asnaf fakir dan miskin yang memerlukan bantuan perubatan segera di hospital. Antara bentuk bantuan perubatan tersebut adalah seperti kos rawatan, kos pengangkutan ke hospital, kerusi roda, susu formula, lampin pakai buang, tongkat dan lain-lain lagi.

Pada tahun ini, Zakat Pulau Pinang memperuntukkan geran tahunan zakat sebanyak RM165,000.00 kepada 5 buah hospital dan sebuah klinik kesihatan seperti perincian berikut :

1. Hospital Besar Pulau Pinang menerima sebanyak RM100,000.00
2. Hospital Seberang Jaya menerima sebanyak RM35,000.00
3. Hospital Bukit Mertajam menerima sebanyak RM10,000.00
4. Hospital Kepala Batas menerima sebanyak RM10,000.00
5. Hospital Sungai Bakap menerima sebanyak RM5,000.00; dan
6. Klinik Kesihatan Barat Daya menerima sebanyak RM5,000.00

Majlis telah disempurnakan oleh Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, YBhg. Dato' Dr. Roslan Ahmad. Turut hadir, YBhg Dato' Haji Zulkiefly Saad, Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang, Dr. Siti Hajar Ismail, Wakil Pengarah Hospital Kepala Batas serta pegawai-pegawai Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital-hospital Negeri Pulau Pinang.

Semoga hubungan dan kerjasama baik daripada pihak-pihak berkepentingan seperti Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Pulau Pinang dan Farmasi-farmasi Panel yang terlibat dapat menjadi nilai tambah kepada perkhidmatan Zakat Pulau Pinang di dalam memastikan agihan zakat dapat dilakukan secara optimum, efisien dan efektif.

ZPP TERIMA PENSIJILAN 9001:2015 SISTEM PENGURUSAN KUALITI

BUKIT MERTAJAM : Zakat Pulau Pinang (ZPP) menerima pengiktirafan antarabangsa melalui pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah MS 1900:2014. Pengiktirafan yang diterima ini bagi tujuan mempertingkatkan daya saing dan mengukuhkan tadbir urus ZPP.

Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Dato' Amran Hazali berkata, penganugerahan Sijil MS ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014 itu dilihat memberi pengiktirafan kepada ZPP dalam usaha membuktikan kebolehan dan keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan serta perundangan secara konsisten sebagai sebuah institusi zakat di Pulau Pinang.

Menurutnya, membangunkan dan melaksanakan sistem pengurusan kualiti dalam persekitaran yang semakin dinamik dan kompleks merupakan satu keputusan strategik bagi ZPP kerana ia merupakan salah satu kaedah yang telah terbukti dapat membantu meningkatkan prestasi secara menyeluruh.

"Pensijilan ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014 adalah satu standard yang menggariskan asas-asas utama bagi mewujudkan dan melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang berkesan dan menepati tujuan penubuhan.

"Melalui pelaksanaan sistem pengurusan kualiti, organisasi dapat mengenalpasti peluang penambahbaikan dan keperluan sumber dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan melalui pemantauan dan penilaian dan dilaksanakan secara berkala.

"Selain itu, pelaksanaan sistem pengurusan kualiti memberi pendedahan tentang pengurusan risiko dengan mengenalpasti, menilai dan menangani risiko di dalam organisasi,"katanya ketika berucap pada Majlis Malam Anugerah Sijil MS ISO 9001:2015 dan MS 1900:2014 di sini, pada Khamis.

Hadir sama, YB Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abd Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Sahibus Samahah Dato' Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor, Mufti Kerjaan Negeri Pulau Pinang.





ZIARAH KASIH ASNAF

SEBERANG PERAI : Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang, Dato' Amran Hazali meluangkan masa bersama Team Peduli Asnaf ZPP menziarahi asnaf-asnaf di sekitar Kepala Batas dan Tasek Gelugor. Turut sama, Pengurus Besar Jabatan Operasi Agihan, En. Ruslan Harun.



GALERI PEMBAYARAN ZAKAT



Zakat diserahkan oleh YBhg Dato' Azmir Jaafar, Pengarah Urusan dan Rakan Operasi Tempatan McDonald's Malaysia



En Azman bin Hj Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TH Properties Sdn Bhd



En. Isma Azad bin Hazari, Pengarah Urusan Syarikat Panca Abadi Automobil Sdn. Bhd



Pn. Hajjah Siti Hawa binti Dato' Mohd Noordin, Pengarah Umpan Jaya Sdn. Bhd.



Syed Ahmed bin Mohd Eusooif, Pengurus Besar Yusuf Restaurant, Relau



Tuan Haji Azalli bin Ab Razak, Pengerusi Koperasi Guru Melayu Pulau Pinang Berhad



Dato' Haji Alias bin Haji Ali, Pengarah Urusan, Pak Ali Food Industries Sdn Bhd



Dr. Shahul Hamid Ahmadshah, Pakar Perunding Jantung Hospital Besar Pulau Pinang



En. Alan Ali, Warung Mee Afasia, Jalan Sungai Pinang, Georgetown



Pn. Khalieda Yusra, Kieda Crepe HQ



Dato' (Dr) Shahul Hameed Syed Mohamed, Perniagaan Hamed Pata Mee Sotong Padang Kota & En. Ali Azlan Shah Shahul Hameed, Syarikat Ali Azlan Frozen



Syarikat Naz Aisya Enterprise, Bakar Kapor, Penaga



Cik Siti Binti Abdul Halim, Perniagaan Muliajaya Service Station



En. Mazwan Bin Noor, Pengurus Besar, Syarikat Hang Tuah Sdn. Bhd.



Dato' Mohd Faizal Ali, Pengarah Urusan Jeruk Madu Pak Ali, Cawangan Waqaf Seetee Aisah, Seberang Jaya

KADAR NISAB ZAKAT HARTA BAGI TAHUN SEMASA 2023



RM21,650.00

- * Kadar Nisab Semasa adalah berdasarkan nilai 85 gram emas.
- * Nisab adalah kadar minima yang ditetapkan oleh syarak yang layak dikenakan zakat.



Portal Rasmi
zakatpenang2u.com



Laman Web Rasmi
zakatpenang.com

Dapatkan maklumat lanjut di laman sosial kami



KIRA, BAYAR dan SEMAK
zakat kini mudah dengan aplikasi

maizAKAT

Muat turun sekarang.
Urusan zakat kini di hujung jari.

AWAS!!!

JANGAN BAYAR ZAKAT KEPADA AMIL TANPA TAULIAH

**KETAHUILAH BAHAWA MEMBAYAR ZAKAT KEPADA AMIL TANPA TAULIAH
ADALAH SALAH DI SISI UNDANG-UNDANG**

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004

Seksyen 86.

Majlis hendaklah berkuasa memungut zakat dan fitrah daripada setiap orang Islam yang kena dibayar di dalam Negeri Pulau Pinang mengikut Hukum Syarak bagi pihak Yang di-Pertuan Agong.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996

Seksyen 33. Pemungutan zakat atau fitrah tanpa kuasa.

Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 90 (1) Enakmen Pentadbiran.

Seksyen 34. Pembayaran tak sah akan zakat atau fitrah.

Mana-mana orang yang membayar atau menyebabkan supaya dibayar zakat atau fitrah kepada mana-mana orang yang tidak diberikuasa secara sah untuk memungut zakat atau fitrah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.



ZAKAT PULAU PINANG MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam.

04-549 8088

04-530 6466

zakatpenang

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

AMRAN HAZALI
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
ZAKAT PULAU PINANG

SIDANG EDITOR

MOHAMAD FUAD
MD ISA
TIMBALAN KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF PENTADBIRAN

KETUA EDITOR

DR. HAJI MOHAMAD
SALLEH ABDULLAH
PENGURUS BESAR JABATAN
KHIDMAT PENGURUSAN

EDITOR

KHAIROL AZHAR ZULKIFLI
KETUA BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
ZAKAT PULAU PINANG

MOHAMAD FADZIL
JAMALUDDIN

JURUGAMBAR

AHMAD AZRUL HALIT/
MOHD HUSSEIN MOHD YASSEN/
SITI JAUHARAH SILAH HUDIAN